

Negara Islam perlu bentuk kekuatan ummah

BN 12/6/2001 M.S. 2

NEGARA Islam mempunyai potensi besar untuk berkembang maju serta boleh memainkan fungsi yang berpengaruh dalam forum antarabangsa, kata seorang ahli akademik.

Prof Dr Amer Al-Roubaie dari Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) berkata, malangnya umat Islam sendiri masih terpinggir disebabkan oleh masalah ekonomi dan politik mereka sendiri.

"Tidak bersatu dan kurangnya kerjasama di kalangan ummah telah memberi peluang kepada bukan Islam untuk mendominasi mereka, mengeksploitasi sumber, melemahkan kedudukan global mereka dan meningkatkan pergantungan mereka terhadap pasaran dunia.

"Dalam zaman integrasi global ini, umat Islam bukan sahaja tidak melihat ke dalam mengenali warisan mereka, malah tidak melihat ke hadapan bagi mengukuhkan kedudukan mereka secara global," katanya di seminar antarabangsa mengenai Kesan Globalisasi Terhadap Dunia Islam: Isu Dan Cabaran Pada Abad Ke-21.

Dalam kertas kerja bertajuk "Globalisasi dan Dunia Islam", beliau berkata ekonomi sejagat yang sihat memerlukan perubahan dalam pembangunan kemanusiaan, pelaburan dalam peyelidikan saintifik, penyertaan rakyat, peluang sama rata, reformasi politik dan keadilan.

Beliau berkata, globalisasi yang sedang memuncak melintasi sempadan sekarang ini menjejaskan hubungan kemanusiaan sejagat dengan menularnya aliran sekular Barat yang mungkin tidak sesuai untuk pembangunan di negara Islam.

Katanya, globalisasi mendatangkan cabaran selain mewujudkan banyak peluang, terutama bagi negara membangun.

"Pada peringkat ini, adalah amat malang bahawa negara-negara ini belum berada dalam kedudukan yang baik untuk memenuhi segala cabaran itu.

"Proses globalisasi termasuk yang berasaskan pengetahuan, teknologi komunikasi dan komputer, mungkin belum digunakan di negara membangun. Globalisasi yang tidak seimbang mungkin mendiskriminasikan terhadap wilayah tertentu," katanya.